



16 APR, 2024

ENEGEM urus dagangan bekalan elektrik hijau rentas sempadan

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

ENEGEM urus dagangan bekalan elektrik hijau rentas sempadan

Oleh CATHERINE IRENE MILTON
catherine.irene@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan bakal menubuhkan Energy Exchange Malaysia (ENEGEM) bagi melaksanakan perdagangan bekalan elektrik hijau merentas sempadan ke Singapura.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra) berkata, penubuhan ENEGEM adalah selaras dengan aspirasi peralihan tenaga negara serta komitmen Malaysia untuk menyokong inisiatif integrasi bekalan elektrik serantau melalui ASEAN Power Grid.

Menurut kementerian tersebut, urusan perdagangan tenaga merentas sempadan itu akan dilaksanakan berpandukan Panduan Jualan Elektrik Rentas Sempadan (CBES) terkini yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

“Petra mempelawa pihak yang berminat dan berkecenderungan untuk menyertai proses bidaan pembelian bekalan elektrik hijau daripada sistem bekalan elektrik Malaysia untuk disalurkan ke sistem bekalan



ENEGEM ditubuhkan selaras dengan aspirasi peralihan tenaga negara serta komitmen Malaysia menyokong inisiatif integrasi bekalan elektrik serantau.

elektrik Singapura.

“Pembidaan bagi perdagangan bekalan elektrik hijau merentas sempadan ke Singapura akan dimulakan dengan pelaksanaan projek rintis berjumlah 100 megawatt (MW),” menurut kenyataan.

Tambahnya, pelaksanaan

tersebut akan menggunakan rangkaian infrastruktur sambung tara sedia ada antara Semenanjung Malaysia dan Singapura.

“Sehubungan itu, intipati daripada pelaksanaan proses bidaan bagi pembelian bekalan elektrik hijau iaitu skim perin-

tis berkenaan adalah terbuka kepada Pembida Tenaga Boleh Baharu (TBB).

“Pembida haruslah mempunyai lesen penjana danatau lesen peruncitan bekalan elektrik untuk pasaran Singapura dan perlu berdaftar dengan *single buyer* untuk menyertai pro-

ses bidaan yang dilaksanakan,” ujarnya.

Petra menambah, pembidaan yang memohon untuk didaftarkan akan dinilai menerusi proses prakelayakan.

Katanya, mereka (pembida) yang berjaya akan mendapat notifikasi untuk melakukan bidaan pembelian Bekalan Elektrik Hijau pada hari bidaan.

“Bagi pembida yang berjaya, mereka akan menandatangani Perjanjian Pembekalan Elektrik Tenaga Boleh Baharu dengan *single buyer* untuk urus niaga bekalan elektrik hijau yang telah berjaya dibida.

“Pembida TBB yang berminat boleh mendaftarkan hasrat penyertaan melalui laman sesawang Petra atau pembeli tunggal mulai 16 April 2024,” katanya.

Justeru, Petra yakin dengan pelaksanaan bidaan melalui platform ENEGEM ini akan membolehkan Malaysia memperkukuhkan lagi kerangka kerja pembekalan elektrik merentas sempadan, seterusnya membuka peluang pembangunan bidang TBB lebih meluas.